

1 MAR 1996

Lim-MTUC

TINDAKAN MTUC MAHU TERUS JUMPA ANWAR TIDAK IKUT SALURAN

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek hari ini berkata Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) tidak mengikut saluran yang sepatutnya dalam mendapatkan penjelasan mengenai isu penurunan dividen Kumpulan Wang Simpanan pekerja (KWSP).

Beliau mengulas sikap MTUC yang berkeras hanya mahu mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai isu itu.

Lim berkata Presiden MTUC Zainal Rampak menemuinya semalam dan meminta supaya Lim mengaturkan pertemuan antara MTUC dengan Anwar secepat mungkin selepas pembatalan pertemuan antara kongres itu dengan KWSP semalam kerana Anwar tidak dapat hadir.

MTUC mahukan pertemuan itu untuk mendapatkan penjelasan mengenai penurunan kadar dividen KWSP sebanyak 0.5 peratus daripada tahun sebelumnya, menjadikan dividen tahun lalu sebanyak 7.5 peratus - yang paling rendah dalam tempoh 15 tahun.

"Saya telah menasihati Zainal supaya menggunakan saluran yang betul iaitu mengadakan pertemuan dengan Pengerusi KWSP Tan Sri Salehuddin Mohamad serta para pegawai KWSP terlebih dahulu.

"Sekiranya penjelasan yang diterima daripada KWSP tidak memuaskan hati, maka barulah MTUC boleh membuat pertemuan dengan Anwar," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak pembinaan Plaza Low Yat di Jalan Bukit Bintang di sini.

Lim turut menasihati MTUC supaya membatalkan rancangan mengadakan piket bagi membantah penurunan dividen itu kerana tindakan itu hanya membawa kesan negatif kepada pekerja serta sektor perindustrian negara.

Sementara itu Zainal kecewa kerana beliau berpendapat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad salah faham mengenai tujuan utama kongres itu mencari penyelesaian mengenai isu dividen berkenaan.

"Bukan niat kami memperjuangkan kepentingan peribadi atau mengugut untuk berpiket kerana apa yang kami perjuangkan ialah untuk pekerja kerana KWSP merupakan satu-satunya agensi yang pekerja dapat bergantung harap untuk bantuan kewangan selepas bersara," katanya.

Katanya MTUC mahu memastikan moto KWSP "Menyimpan Untuk Masa Tua Anda" ditunaikan sepenuhnya.

Zainal mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam bahawa para pemimpin MTUC bersikap tidak bertanggungjawab, sombong dan keterlaluan dan jika tidak berhati-hati boleh menjadikan negara muflis. -- BERNAMA

AKT HT RON